

BAB 11

TINJAUAN BAHAN BACAAN

Pendahuluan.

Keberkersanan pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sesuatu matapelajaran adalah berkait rapat dengan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru semasa mengajar di bilik darjah (Mok Soon Sang & Lee Shok Mee:1991:25). Ini bermakna guru mestilah menggunakan cara yang paling baik untuk menyampaikan fakta kepada murid serta memikirkan cara bagaimana murid dapat memahami dan menghayati segala ilmu yang telah disampaikan kepada mereka.

Menurut Asma Haji Ahmad (1989:29) didapati bahawa peranan guru di sekolah adalah pemberi maklumat, pengajar dan penggerak kurikulum. Seorang guru perlu mempunyai hal ehwal mengajar. Guru perlu mengenali muridnya serta mempunyai kemahiran dalam matapelajaran yang hendak diajar. Di samping itu juga guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu yang terbaru dengan kaedah yang terbaru yang sesuai dengan murid-muridnya. Pengajaran yang berkesan akan mempengaruhi kognitif, afektif dan psikomotor murid-murid untuk jangka pendek dan jangka masa yang panjang.

Selain membawa perubahan positif, keberkesanan pembelajaran juga boleh menjadikan murid-murid lebih bermotivasi dan suka mengamalkan budaya ilmu dalam diri mereka. Seterusnya ia juga dapat membina sahsiah murid yang tinggi.

Pelajaran yang berkesan juga mempunyai kaitan yang rapat dengan situasi pengajaran dan pembelajaran yang menarik, pengajaran yang mencabar dan juga bermakna.

Adalah menjadi ^{ker} tugas guru untuk menyampaikan pengajaran dan juga mengembangkan pengajarannya untuk merealisasikan potensi murid semaksima yang boleh. Keberkesanan guru perlu dilihat bukan sahaja dari segi kejayaannya menyampaikan pelajaran di bilik darjah dengan erti kata berjaya mengajar atau meliputi semua yang digariskan dalam sukatan pelajaran, tetapi juga kejayaannya untuk membimbing murid menguasai pelajaran itu serta membangkitkan minatnya untuk mempelajari lebih dari yang disenaraikan dan memulakan proses penimbaan ilmu dalam bidang - bidang tersebut. Maka didapati keberkesanan pengajaran terletak pada keupayaan guru membina sesuatu untuk murid-muridnya mengalami pembelajaran, yang akan membawa hasil yang dikehendaki (Rahimah Haji Ahmad, 1992:36).

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa keberkesanan pengajaran dan pembelajaran juga berkait rapat dengan "pengajaran yang menarik". Maksud pengajaran yang menarik ialah pengajaran yang dapat menghilangkan kebosanan, di samping mendapat tumpuan, perhatian dan minat murid-murid. Selain itu mereka juga merasa selesa, gembira dan terlibat sepenuhnya dalam proses pembelajaran itu.


Manakala pengajaran dan pembelajaran ialah proses ketrampilan yang dapat memberi faedah secara langsung kepada murid sehingga mereka dapat menyedari akan kepentingannya dan dapat menggunakan ilmu serta kemahiran dan maklumat yang diperolehi itu dengan baik. Situasi pengajaran dan pembelajaran yang mencabar pula ialah keadaan pengajaran yang merangsang murid-murid berfikir dan membina kematangan serta melahirkan idea yang matang dan seterusnya meningkatkan penguasaan sesuatu disiplin.

Situasi pengajaran dan pembelajaran yang menarik, bermakna dan mencabar lagi berkesan itu mempunyai ciri yang tertentu pula. Antaranya ialah pengajaran yang berasaskan kepada prinsip-prinsip psikologi pembelajaran (Gage:1969), kerapatan jurang antara proses pengajaran dan pembelajaran (A.G Malvin:1952), pengajaran yang bercorak "multi-media"

(Penglibatan berbagai deria dan melalui berbagai aktiviti), pengajaran yang mempunyai penyesuaian terhadap individu yang berbeza-beza (A.Pinsent :1969), mempunyai hubungan dua hala yang cergas antara pengajar dan juga pelajar (interaksi), dan juga mempunyai unsur galakan terhadap pembentukan sikap, disiplin diri dan juga kemahiran dalam berbagai teknik belajar.

Walau bagaimanapun, sesuatu proses pembelajaran tidak akan bermakna dan berjaya dengan sepenuhnya jika guru tidak menjadi penggerak dan pemimpin yang utama. Ini adalah disebabkan oleh adanya faktor lain mempengaruhi kejayaan sesuatu pengajaran dan pembelajaran seorang murid.

Rajah :2.1



Faktor-faktor keberkesanan Pembelajaran.

Seorang guru janganlah mengajar dengan menggunakan kaedah yang "rigid" (Rahimah Hj.Ahmad:1992). Apa yang perlu diketahui oleh seseorang guru ialah cara bagaimana murid dapat belajar dengan berkesan kerana apabila sesuatu pengajaran itu menarik perhatian murid, mereka tentu akan memberikan perhatian terhadap pelajaran itu. Selain perhatian motivasi dan penglibatan juga adalah perkara penting bagi pembelajaran murid di bilik darjah. Oleh itu, segala kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang hendak digunakan hendaklah mengambil kira untuk memantapkan ^{kegiatan} ketiga-tiga unsur ini ~~ujud~~ ketika mengajar.

Untuk mencapai matlamat di atas, guru mestilah bertindak sebagai pendorong dan penggerak di samping menunjukkan personaliti yang baik, bersikap terbuka, peka, simpati, bertolak ansur dan juga kebolehan lenturan (flexibility).

Selain itu guru tidak boleh menyindir dan mencemuh murid. Sebaliknya guru mestilah menunjukkan sifat keibubapaan (authority figure) dan juga keibuan (affectionate figure). Yang lebih utama ialah menguasai ilmu serta cekap dan yakin, teliti dalam penyediaan, lincin dan berkesan dalam melaksanakan pelajaran dan seterusnya berbahasa dengan bahasa yang fasih dan betul atau baku.

Selain daripada menunjukkan sifat-sifat keibubapaan dan keguruan, guru juga mestilah memahami latar belakang, minat dan kesukaan murid. Selalunya minat dan kesukaan murid bergantung kepada dunia yang berada di sekelilingnya. Antara cara menarik minat ialah memilih pendekatan pengajaran yang sesuai dengan pengalaman kehidupan mereka dan mempelbagaikan teknik pengajaran serta pandai berinteraksi dengan mereka, dan seterusnya memasukkan aspek-aspek kesenian serta unsur-unsur jenaka di dalam pengajaran. Kesimpulannya kita dapati kewibawaan guru dapat menjadi faktor penting dalam kejayaan sesuatu kurikulum yang dirancang. Guru adalah penyampai, pengasuh, pembimbing, pendidik, contoh dan seumpamanya. Guru perlu melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, tepu dengan kasih sayang, berkebakikan, pemurah serta berbudi bahasa (Asmah.1989:51).

Peranan guru agama untuk menjadikan pelajaran Pendidikan Agama Islam sebagai pelajaran yang berkesan adalah sangat berat. Inilah hakikat yang mesti diakui. Pendekatan mengajar matapelajaran lain boleh digunakan untuk mengajar pendidikan agama, tetapi pendekatan mengajar pelajaran agama kemungkinan tidak sesuai digunakan untuk mengajar lain matapelajaran.

Pendekatan mengajar agama mestilah disesuaikan dengan falsafah pelajaran agama itu sendiri, dan mengajar agama juga tertakluk kepada pengalaman hidup seharian kanak-kanak yang berasaskan cara berfikir dan pengetahuan mereka kepada sesuatu yang nyata sahaja. Oleh kerana perkara ini sajalah yang memberi kesan kepada mereka, maka guru agama haruslah sedar bahawa mereka tidak dapat bergantung kepada perkara-perkara yang mempunyai makna atau kaedah-kaedah am sahaja. (Muhammad Saleh Samak.1983:25).

Guru-guru agama haruslah sedar bahawa kanak-kanak mempunyai perasaan yang sangat peka dan mudah tersinggung. Oleh sebab itu, mereka mudah meradang apabila disentuh perasaannya. Satu cara baik untuk membentuk perangai dan kecenderungan mereka ialah dengan memberikan mereka layanan yang lemah lembut serta memberikan kefahaman yang jelas dan nyata. Selain itu guru agama harus sedar bahawa kanak-kanak juga mempunyai alam dan keperluan-keperluan mereka yang khas yang mempunyai hubungan dengan kecenderungan dan kegemaran mereka. Bagi memastikan pengajaran pembelajaran menjadi lebih berkesan, guru agama harus meraikan alam khusus dan keperluan khusus murid.

Kurikulum.

Untuk mencapai objektif pendidikan yang ditetapkan melalui Falsafah Pendidikan Negara (FPN), perlulah dirujuk kepada sesuatu kurikulum yang dibentuk. Apabila kita membincangkan kurikulum, maka dengan sendirinya akan disentuh tentang strategi pengajaran dan pembelajaran, latihan guru dan juga latihan dalam perkhidmatan.

Perkataan "kurikulum" sudah tidak asing lagi bagi masyarakat kita. Oleh itu masyarakat telah memberikan berbagai tafsiran terhadap perkataan ini. Kebanyakan orang memandang kurikulum itu sebagai pelajaran atau matapelajaran yang disediakan oleh sekolah. Ada orang yang melihat kurikulum itu sebagai program pendidikan bagi mencapai sesuatu matlamat tertentu (Abu Bakar Nordin.1991:1). Sementara setengah cendekiawan pendidikan mentafsirkan kurikulum sebagai pengalaman yang dirancang bagi mencapai matlamat tertentu, atau satu rancangan untuk mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan.

Di kalangan sarjana barat ada di antara mereka yang melihat kurikulum sebagai "all the mean employed by the school to provide student with opportunities for desirable learning experiences"(Koopman G.Robert.1966:6).

Sementara itu Saylor J.Galen (1941:31-34) telah mendefinisikan kurikulum itu sebagai ".....what pupil are to learn.....the curriculum is the body of experience to be communicated or composed of all the experience children have under the guidance of teacher". Gabungan daripada pendapat sarjana Barat ini bolehlah dikatakan bahawa kurikulum itu dibentuk dengan berlandaskan kepada ;

1. Kurikulum itu sebagai matapelajaran dan isi kandungannya.
2. Kurikulum sebagai pengalaman.
3. Kurikulum sebagai satu objektif.
4. Kurikulum sebagai peluang-peluang yang dirancang untuk aktiviti pengajaran.

Berlandaskan kepada pengertian kurikulum yang diberikan oleh sarjana Barat itu, pengkaji berpendapat bahawa perkataan "kurikulum" bagi mereka, tidak mempunyai satu definasi yang khusus. Ia telah ditafsirkan dalam berbagai makna dan dimensi . Bagi pengkaji memahami "kurikulum" itu sebagai satu rancangan atau plan pendidikan yang digubal oleh pihak atasan untuk mencapai matlamat yang diinginkan oleh pemerintah dan rakyat sesebuah negara . Contohnya jika "perpaduan" yang diinginkan bagi sebuah negara yang berbilang kaum, maka kurikulum mestilah digubal ke arah itu.

Selain membincangkan maksud kurikulum, perlulah juga dibincangkan asas satu - satu kurikulum itu digubal. Dalam masalah ini kita perlu merujuk kepada dua tujuan utama persekolahan kanak-kanak. Pertamanya, ialah tujuan utama persekolahan kanak - kanak adalah untuk menolong mereka menyesuaikan diri dengan masyarakat, kerana persekolahan dianggap sebagai proses permasayarakatan dan pembudayaan. (Mohd Salleh Lebar;1992:204-207).

Setiap pelajar yang pergi ke sekolah bukan sahaja diajar dan didedahkan kepada pengetahuan tertentu, tetapi juga ditanam dengan nilai-nilai yang dihargai dan disanjung oleh masyarakat. Dalam kontek ini pelajar dikehendaki melakukan perkara - perkara yang difikirkan baik untuk masyarakat, maka kurikulum yang dibentuk itu tertumpu kepada pembentukan pelajaran sebagai ahli masyarakat yang taat setia kepada norma dan nilai-nilai yang sedia ada pada ketika itu.

Robert Scheafer (1971) telah menggariskan beberapa perkara penting yang mesti diberikan perhatian dalam pembentukan sesuatu kurikulum, antaranya ialah;

1. Pendidikan mestilah mengambil kira perkembangan kanak-kanak.

2. Pembelajaran tidak boleh dikenakan daripada luar tetapi mesti melibatkam aktiviti akal pelajar.
3. Pengetahuan boleh didapati melalui penglibatan "social life".
4. Keputusan kurikulum boleh diperbaiki dengan kaedah saintifik.
5. Kurikulum dan pengajaran perlu diambil kira perbezaan individu.
6. Kurikulum dan pengajaran perlu mengambi kira keperluan masyarakat.
7. Sekolah dan demokrasi perlu memaksimakan perkembangan individu.

Menurut Taba H. (1962) setiap perancang kurikulum mestilah bersandar kepada keperluan mengkaji kanak-kanak sebagai individu yang sedang membesar, pemeriksaan keperluan-keperluan, rentetan perkembangan, lain-lain kesulitan yang wujud sekitar proses pembelajaran, keperluan menganalisa sifat masyarakat dan juga desakan masyarakat.

Ralph W.Tyler (1990) telah menyatakan bahawa asas-asas yang mesti diambil kira dalam pembentukan matlamat dan objektif sesuatu kurikulum ialah pelajar, disiplin atau mata pelajaran dan juga masyarakat.

Dengan merujuk kepada beberapa penafsiran kurikulum dan asas-asasnya pembentukannya itu, pengkaji berpendapat bahawa kurikulum pendidikan sentiasa berubah-ubah mengikut keperluan dan perkembangan masyarakat. Sebagai contohnya, perubahan akan berlaku apabila didapati kurikulum yang sedang digunakan tidak lagi mampu untuk membentuk atau menghasilkan pelajar mengikut keperluan semasa. Di negara kita perubahan kurikulum juga berlaku, contohnya perubahan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah dalam tahun 1983, dan pada tahun 1994 Kurikulum Baru Sekolah Rendah digantikan pula dengan "Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah".

Kurikulum dan Pendidikan Islam.

Dalam sejarah pendidikan Islam juga tidak terdapat definasi yang khusus tentang perkataan "kurikulum". Ia telah ditafsirkan dengan berbagai pendapat.

Namun demikian, perkataan yang sering digunakan dalam pendidikan Islam yang sesuai dengan perkataan kurikulum ialah "manhaj" atau "minhaj" yang diambil dari kata dasar

"Nahaja" bererti mengikut jalan atau satu jalan(Idris Al Marbawi : 348). Al Syaibani (1991:478) menyatakan bahawa kalimah "manhaj" itu sebagai jalan yang terang dilalui oleh pendidik atau guru latih dengan orang-orang yang dididik atau dilatihnya untuk mengembangkan pengetahuan, ketrampilan dan sikap mereka.

Terdapat di kalangan ulama' Islam yang melihat "manhaj" itu sebagai himpunan pengalaman yang diperolehi oleh pelajar di bawah penyeliaan dan tunjuk ajar daripada pihak sekolah dengan tujuan menyelaraskan objektif - objektif pendidikan sekolah samada pengalaman ini diperolehi oleh pelajar di dalam atau di luar sekolah.(Abdullah Al Amin: 1994;96).

Al Syaibani (1991:485) telah melihat kurikulum itu sebagai "sejumlah pengalaman pendidikan , kebudayaan , sosial, olahraga dan kesenian yang disediakan oleh sekolah bagi murid di dalam dan di luar sekolah dengan maksud menolongnya untuk berkembang secara menyeluruh dalam segala segi dan merubah tingkah laku mereka sesuai dengan tujuan pendidikan.

Iman^M Abu Hamid Al Ghazali r.a melihat kurikulum dan menganggapnya sebagai kewajiban setiap orang Islam untuk

meperolehi semua ilmu yang penting untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Islam. Beliau menggolongkan kedua-dua ilmu agama dan duniawi sebagai fardhu 'ain dan fardhu kifayah: Ini telah menjadi dasar bagi pembinaan kurikulum sejak beberapa abad (M.Wasiullah Khan;1989:XIV1).

Al Syaibani (1991:487) menegaskan juga kurikulum pada pengertiannya yang luas terdiri daripada tujuan-tujuan, kandungan, methode mengajar dan methode penilaian. Dengan itu bolehlah dikatakan bahawa kurikulum yang dibentuk itu harus merangkumi;

- * tujuan pendidikan yang ingin dicapai oleh kurikulum.
- * Pengetahuan-pengetahuan, maklumat-maklumat, data kegiatan - kegiatan, pengalaman-pengalaman dari mana terbentuknya kurikulum itu.
- * Kaedah; cara mengajar dan bimbingan yang diikuti dengan murid-murid untuk mendorong mereka belajar dan membawa mereka ke arah yang dikehendaki mengikut tujuan yang telah direncanakan.
- * Kaedah dan cara penilaian yang digunakan dalam mengukur dan menilai kurikulum dan hasil pendidikan keseluruhannya dan menentukan kejayaan yang dapat dicapai(Hassan Langgulung:1986).

Dengan kata lain, kurikulum mempunyai rangkaian empat perkara yang penting; tujuan, isi atau matapelajaran kaedah mengajar dan penilaian. Walaupun terdapat persamaan asas-asas penting pembinaan kurikulum Islam dan barat, tetapi maksud serta isi yang terkandung di dalam setiap aspek asas itu adalah berbeza maksud dan maknanya

Sebagai contohnya kita dapati kurikulum pendidikan Islam merangkumi pendidikan individu dan juga pendidikan sosial. Pendidikan individu bertujuan untuk membiasakan diri kepada perkara-perkara tertentu seperti perhubungan dengan makhluk-makhluk lain, sifat tanggungjawab dalam kehidupan. Dan pendidikan masyarakat pula ialah bertujuan untuk menjalinkan perhubungan sosial.

Sehubungan dengan itu, menurut Abdullah Al Amin Al Na'miy (1994:97) berpendapat terdapat berbagai faktor yang mempengaruhi "manhaj", iaitu faktor diri, kemasyarakatan, pendidikan dan kebudayaan. Faktor-faktor ini merangkumi tabiat manusia, ciri-ciri penyuburan psikologi, pengalaman, pengajian pengaruh-pengaruh sosial yang berbagai seperti falsafah masyarakat dan keluarga, sekolah, teori pendidikan dan sifat semula jadi persekitaran yang didiami oleh pelajar.

Hassan Langgulung (1991:126) berpendapat bahawa tujuan pokok dalam Pendidikan Islam ialah "fadhilat". Maksudnya dalam kehidupan, manusia dapat berkelakuan sesuai dengan kemanusiaannya. Untuk mencapai fadhilat, Kurikulum Pendidikan Islam harus menonjolkan tujuan agama dan akhlak. Ertinya, segala yang diajar dan diamalkan hendaklah dalam paradigma agama dan akhlak yang diajar oleh Islam di dalam Al Quran dan As Sunnah (Dr.Muhammad Hamid Al Afendi:1990:23).

Pendidikan Al Quran menduduki tempat yang paling tinggi dan utama di dalam kurikulum Pendidikan Islam. Maka Al Quran hendaklah diajar di peringkat awal persekolahan lagi agar peribadi yang murni, mulia, akhlak yang baik, kejujuran, keadilan, persaudaraan dan perasaan persamaan dapat ditanam ke dalam jiwa kanak-kanak pada peringkat awal.

Tegasnya kita dapati semua matapelajaran dalam Pendidikan Islam mestilah mempunyai sandaran dan dasar dari Al Quran, Sunnah dan peninggalan orang-orang yang dahulu yang salih.(Al Syabani:1991:537) Sabda Rasulullah s.a.w bermaksud:

"Yang baik di antara kamu adalah orang-orang yang mempelajari Al Quran dan mengajarkannya".

Namun demikian, kurikulum untuk peringkat awal kanak-kanak ini juga menekankan kebolehan menulis membaca juga merupakan tujuan penting yang hendak dicapai dalam penyusunan kurikulum di peringkat ini.(Mohd Athiyah: 1959).

Ilmu dalam pendidikan Islam dikembangkan hendaklah menjurus kepada penekanan dan penghayatan Islam, kerana segala ajaran Islam adalah menjadi amalan hidup setiap muslim dan perlu dihayati tanpa kompromi.

Allah Berfirman:

"Tuntutlah pada apa yang diberikan kepadamu oleh Allah akan akhirat, dan jangan engkau melupakan bahagianmu di dunia ini"

(Al Quran, Al Qashash:77)

Kurikulum Pendidikan Islam juga bertujuan untuk mewujudkan keperibadian yang bersepadu (Dr.Muhammad Hamid Al Afendi:1990:21) Kandungannya merangkumi segala aspek peribadi pelajar dari segi intelektual, psikologis, sosial dan juga spiritual. Dengan itu pelajaran yang diajar menurut kurikulum Pendidikan Islam hendaklah seimbang dan sepadu antara fizikal dan mental, dunia dan akhirat.

Maka kita dapati kurikulum Pendidikan Islam matlamatnya adalah untuk melahirkan individu yang sempurna samada dari segi rohani atau jasmani, maka matapelajaran dalam kurikulum itu hendaklah bersifat "sepadu". Dengan kata lain matapelajaran dalam kurikulum Pendidikan Islam tidaklah terbatas kepada ilmu-ilmu yang berbentuk teoritis sahaja,

baik bersifat naqli mahupun aqli tetapi juga berbentuk praktis, seperti Pendidikan Jasmani , latihan ketenteraan, teknik, pertukangan, pertanian dan perniagaan. Kurikulum yang semata-mata membekalkan pelajaran yang berbentu spiritual boleh menyulitkan sesuatu institusi pengajian khususnya dari segi pembangunan meterial.(Kamal Haasan:1978:88).

Antara kandungan sesuatu kurikulum juga merangkumi persoalan kaedah mengajar . Semenjak merdeka kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah di negara kita telah melalui beberapa perubahan seperti pada tahun 1957 (Laporan Razak) 1961(Akta Pelajaran),1983 Kurikulum Baru Sekolah Rendah, dan 1994 Kurikulum Bersepadu Sekolah rendah.

Perubahan kurikulum juga melibatkan perubahan "cara mengajar dan belajar " . Kurikulum Bersepadu Sekxolah Rendah menekan "Kesepaduan Ilmu", dan salah satu pendekatan untuk mencapai maksud kesepaduan ini ialah melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara gabungjalin Maka kajian ini bertujuan untuk melihat penggabungjalinan pengajaran dan pembelajaran agama Islam KBSR.

Strategi Pengajaran

Pendidikan sentiasa berubah mengikut perubahan masa dan perkembangan zaman. Kemajuan manusia dalam sains dan teknologi turut memberi kesan ke atas strategi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Sebagai contohnya kanak-kanak hari ini telah melihat dan mempunyai pengetahuan yang berkaitan dengan media elektronik yang moden dan canggih, maka strategi pengajaran pada masa ini harus disesuaikan dengan perkembangan ini. Sebagai guru yang kreatif dan inovatif, maka guru perlu mendahului murid dalam menguasai dan mengetahui media elektronik ini. Dengan itu guru dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan teknologi ini sebagai satu strategi pengajaran dan pembelajaran yang menarik kerana ia bersesuaian dengan latar belakang murid di zaman ini.

Pengajaran merupakan kegiatan-kegiatan yang tersusun yang dibuat khusus untuk murid-murid dengan tujuan membawa perubahan dalam diri mereka. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh guru haruslah bertujuan membawa pengetahuan baru, mengubah kepercayaan dan mengubah tingkah laku. Pengajaran memerlukan usaha dan tindakan guru yang sewajarnya untuk mengubah tinglaku murid-murid. (Asma Hj. Ahmad: 1992:4). Pengajaran juga membawa maksud memberi petunjuk, memperbaiki kelakuan dan memberi nasihat. (Tenku Iskandar 1970:10).

Mengikut Abdul Raof Dalip (1993:151) menyatakan bahawa guru mestilah mengetahui dasar-dasar pendidikan dan cara-cara mengajar yang berkesan dan mengembangkan ilmu pengetahuan kepada murid-murid, kerana peranan guru bukan sahaja bertanggungjawab untuk mendidik jasmani dan akal tetapi juga rohani, akhlak dan aqidah.

Pincent (1969) berpendapat bahawa kejayaan kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada guru yang menggunakannya, pelajar yang belajar melaluinya, keadaan dimana ia digunakan dan juga pelajar yang diajar dengannya serta tujuan yang hendak dicapai.

Pengajaran selalunya dikaitkan dengan perkataan "strategi". Menurut Kamus Dwibahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia 1981b:1240) strategi bermakna kepandaian merancang dan mengarahkan gerakan peperangan terutama pergerakan tentera ke dalam kedudukan yang baik untuk berperang; kepandaian dalam menguruskan sesuatu perkara. Di dalam penggunaan biasa ia bererti cara tertentu yang dirancang untuk mencapai tujuan tertentu. (Khoo Phon Sai:1984/86).

Perkataan Strategi Pengajaran pula bermaksud beberapa siri aktiviti yang berarahkan matlamat (tujuan) atau aturan-aturan yang dilaksanakan oleh seseorang guru ke atas seseorang murid (atau satu kelas murid) dan dalam konteks suatu sukatan pelajaran (syllabus) atau kandungan suatu matapelajaran. (Pask, G. dan Lewis, B.:1972:9).

Dan perkataan strategi apabila digabungkan dengan perkataan pengajaran dan pembelajaran memberi erti segala pendekatan, kaedah dan teknik yang disusun dan dirancang untuk memudahkan pengajaran mencapai objektif yang ditetapkan. Strategi pengajaran dan pembelajaran itu juga dikenali sebagai "cara-cara melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai objektif pelajaran hingga ke tahap optimum (Mok Soon Sang & Lee Shok Mee.1991:25).

Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang menjadi komponen penting dalam strategi pengajaran masing-masing mempunyai erti dan maksud yang tersendiri. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran merupakan cara atau jalan bagaimana sesuatu matapelajaran boleh diajar berdasarkan objektif jangka panjang. Pada asasnya pendekatan-pendekatan yang terdapat dalam sesuatu matapelajaran tertentu adalah hasil daripada teori-teori tentang matapelajaran tersebut dan cara ianya dapat dipelajari dengan berkesan.

Teori yang berlainan tentang cara pembelajaran beberapa matapelajaran telah menyebabkan wujudnya beberapa pendekatan. Contohnya dalam matapelajaran Sirah Nabawiyah terdapat beberapa pendekatan yang lazim digunakan oleh guru untuk mengajar. Antaranya pendekatan kronologi (mempelajari sejarah menurut urutan tarikh), pendekatan patch (mengikut zaman-zaman tertentu) atau pendekatan tema (berdasarkan topik).

Pendekatan juga boleh dipandang sebagai usaha menghuraikan sifat-sifat matapelajaran yang diajar serta menghuraikan falsafahnya dan menghuraikan sesuatu yang kita percaya tetapi tidak semestinya boleh dibuktikan secara muthlak. (Zawawi Hj.Ahmad, 1991:44).

Sementara perkataan "Kaedah Pengajaran" pula segala segi kegiatan yang terarah yang dikerjakan oleh guru dalam rangka matapelajaran yang diajarnya, ciri-ciri perkembangan muridnya dan suasana alam sekitarnya dengan tujuan menolong murid untuk mencapai pembelajaran yang diinginkan dan perubahan yang dikehendaki pada tingkahlaku mereka. Selanjutnya menolong mereka memperolehi maklumat, pengetahuan, kemahiran, kebiasaan, sikap, minat dan nilai-nilai yang diinginkan. (Abd.Raof Dalip, 1993:165).

Bagi Edger Bruce Wesley(1950:421-427) menyatakan kaedah pengajaran itu ialah rentetan kegiatan guru yang terarah yang boleh menimbulkan proses pembelajaran yang sempurna di kalangan murid-murid, atau proses pelaksanaan pengajaran yang sempurna untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dengan lain perkataan , kaedah adalah cara-cara yang berlainan untuk mengajar di satu-satu bilik darjah. Ia merupakan satu siri tindakan yang sistematik dan berurutan yang dilakukan oleh guru untuk mencapai objektif khusus sesuatu pelajaran (Mok Soon Sang,1993:2).

Sesuatu kaedah mempunyai prosedur dan langkah-langkah tertentu dan ianya dapat memudahkan pembelajaran. Oleh kerana terdapat banyak jenis pendekatan maka terdapat juga banyak jenis kaedah. Ada kaedah-kaedah yang sesuai untuk sesuatu pendekatan, tetapi secara amnya tidak ada kaedah yang seratus peratus khusus bagi sesuatu pendekatan. Antara contohnya ialah kaedah kelas, kaedah kumpulan, kaedah projek dan sebagainya.

Perkataan "teknik" yang terdapat dalam satu-satu kaedah bermaksud langkah-langkah kecil yang terdapat di dalam sesuatu kaedah. Teknik meliputi aktiviti, kemahiran dan perlakuan guru

dalam konteks sesuatu kaedah yang digunakan dalam pengajaran. (Ee Ah Meng, 1988:166). Teknik lebih memusat kepada aktiviti guru. Teknik juga boleh ditakrifkan sebagai manifestasi perlakuan atau tingkahlaku guru sesuatu mengajar sesuatu kaedah.

Semasa guru mengajar, ia biasanya akan menggunakan berbagai teknik dengan tujuan untuk menjadikan pengajarannya lebih menarik, berkesan dan mencabar. Contohnya guru menggunakan "overhead projektor", menukar-nukar suara semasa bercerita, dengan bergerak. Teknik-teknik seperti inilah akan menghidupkan pengajaran guru.

Kesimpulannya, setiap strategi pengajaran merangkumi pendekatan, kaedah dan teknik yang dirancang oleh guru untuk digunakan semasa mengajar. Setiap pendekatan pula mengandungi kaedah dan teknik dan setiap teknik mempunyai langkah-langkah yang tersusun, yang dibuat khusus untuk membawa pengetahuan baru, mengubah kepercayaan dan juga tingkah laku murid. Atau dengan lain perkataan "pendekatan, kaedah dan teknik adalah satu komponen yang mempunyai perkaitan dan pertalian antara satu sama lain. (Zawawi Hj. Ahmad, 1991:45).

Maksud Pembelajaran

Kamus Dewan menta'rifkan pembelajaran sebagai proses belajar, dan belajar dinyatakan sebagai berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalani latihan. Pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku kesan daripada pengalaman. (Ama Hj. Ahmad 1992:12). Dan ia juga dita'rifkan sebagai perubahan tingkah laku seseorang terhadap sesuatu situasi yang diberi, hasil daripada pengalaman yang diulangi bagi sesuatu situasi tersebut. Ia juga ditafsirkan sebagai satu proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkahlaku yang agak kekal (Lee Shok Mee, 1995:54).

Perubahan dalam pembelajaran tidak boleh dinyatakan dengan hanya berdasarkan kecenderungan dan gerakbalas sejati (native response tendencies) dan pematangan (maturation) atau keadaan seseorang yang tidak kekal (temporary state) sahaja (Bower dan Hilgard:1981). Robert M. Gagne (1970) melihat pembelajaran sebagai perubahan ke atas sifat manusia atau kebolehan yang boleh dikekalkan dan tidak semata-mata disebabkan oleh proses pertumbuhan. Mengkanya pembelajaran itu dapat diartikan "sebagai perubahan ilmu pengetahuan atau kemahiran di dalam diri individu". (Abd. Raof Dalip, 1993:152).

Melihat kepada pembelajaran boleh berlaku apabila rangsangan diproses oleh otak seseorang individu untuk menjadi pengalaman lalu digunakan untuk sesuatu tingkah laku atau tindakan, maka pembelajaran juga boleh dilihat sebagai satu proses yang menghasilkan "perubahan tingkahlaku seseorang" sebagai satu reaksi terhadap satu-satu keadaan yang dihadapinya (Ee Ah Meng, 1993).

Walaupun ulama-ulama Islam tidak memberikan tarifik yang khusus ke atas perkataan "strategi pengajaran dan pembelajaran", tetapi di zaman kebelakangan ini mereka telah membincangkan dan menghuraikan perkara-perkara ini dengan sistematik dan panjang lebar.

Professor Mohammad Athiyah dalam bukunya "Ruh Attarbiyyah Watta'lim" halaman 267 telah menyatakan bahawa strategi pengajaran itu adalah satu cara yang dapat guru ikuti untuk memberi faham kepada murid-murid setiap jenis matapelajaran. Ia adalah rencana yang dibuat oleh guru-guru untuk panduan guru memasuki kelas atau sesudah guru memasukkinya.

Professor Omar Al Syaibani (1991:553) berpendapat bahawa strategi pengajaran ialah satu kegiatan yang terancang yang dilaksanakan oleh guru untuk mencapai objektif matapelajaran yang

diajar kepada murid, untuk melihat perkembangan murid serta suasana alam sekelilingnya di samping bertujuan untuk menolong murid mencapai proses pembelajaran yang diharapkan. Selain itu kegiatan ini juga bertujuan untuk melihat perubahan-perubahan tingkahlaku serta untuk menolong mereka memperoleh maklumat, ketrampilan, kebiasaan, sikap, minat dan nilai-nilai yang diinginkan.

Dengan berpanduan kepada pengertian dan huraian perkataan "strategi pengajaran dan pembelajaran" yang diberikan oleh sarjana Barat dan Islam, pengkaji berpendapat bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran itu adalah merupakan perancangan dan pelaksanaan aktiviti guru dan murid di dalam satu proses pengajaran yang bertujuan untuk mencapai matlamat yang tertentu dalam jangka masa yang pendek atau panjang.

Prinsip-prinsip asas untuk memudahkan proses pembelajaran ialah:

- * Guru mestilah sedar bahawa kadar pencapaian murid-muridnya adalah berbeza, maka guru perlulah menyediakan bahan pengajaran yang sesuai untuk kedua-dua golongan ini. (pandai dan kurang pandai).
- * Melibatkan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya muridnya aktif dari segi mental sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.
- * Mewujudkan motivasi yang tinggi untuk menjamin kejayaan pengajarannya.
- * Maklumat hendaklah disusun dengan teratur supaya pengajaran menjadi mudah.

(Koh Boh Boon.1983).

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam dan
Aqidah (Tahap dua)KBSR.

Jika kita perhatikan proses perkembangan pendidikan agama Islam dewasa ini, salah satu perkara yang menonjol dalam pelaksanaan pendidikan agama Islam itu ialah masalah kaedah mengajar. Kaedah mengajar akan lebih berfaedah jika dilihat hubungannya dengan aspek-aspek lain seperti matlamat, perancangan, situasi dan lain-lain lagi.

Kaedah adalah alat yang digunakan oleh guru untuk mengajar murid-muridnya. Penggunaan kaedah yang sesuai dan terbaik belum pasti akan menghasilkan sesuatu yang terbaik, kerana dalam memberi pengajaran, peribadi guru juga memainkan peranan penting dalam keberkesanannya, malah peribadi guru yang menentukan pemilihan kaedah yang sesuai baginya.

Agama adalah satu kepercayaan yang tidak dapat dilihat dengan mata hati. Pendidikan agama adalah pendidikan perasaan disamping akal untuk mendapatkan sesuatu keyakinan yang tidak dapat dimasukkan dengan kecerdesan otak semata-mata. Pendidikan agama harus diberikan sejak anak itu dilahirkan, dan selanjutnya harus dibiasakan anak itu agar setiap hari hidup dalam landasan agama.

Mengikut Abdul Raof Dalip (1993:167), ilmu-ilmu dalam pendidikan Islam mempunyai matlamat dan objektif yang berbeza dengan pengajaran ilmu-ilmu naqli. Pengajaran Tauhid bermatlamatkan menanamkan iman, pengajaran syariah bermatlamatkan menanamkan rasa cinta beramal, dan pengajaran akhlak bertujuan menterjemahkan amal itu kepada penghayatan. Matlamat dan objektif inilah yang menentukan kaedah, teknik dan strategi yang digunakan untuk mencapainya.

Dalam hal ini al Syaibani (1979:557-580) telah menyatakan "tidak ada satu methode pengajaran yang berguna untuk semua tujuan pendidikan dan segala matapelajaran begitu juga tidak ada perkaedahan yang lebih baik bagi semua pendidik dalam semua keadaan dan suasana. Guru boleh memilih methode yang sesuai dengan tujuan pendidikan yang ingin dicapainya atau pelajaran yang ingin diajar; serta tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan pelajar-pelajar.

Apabila kita membincangkan "strategi pengajaran dan pembelajaran" Pendidikan Islam, kita dapati cendiakawan Islam cuba mengetengahkan strategi-strategi yang baik dan berkesan untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang teratur adalah sangat diperlukan kerana ianya dapat menarik minat murid-murid dan memudahkan mereka memahami Pendidikan Islam.

Mengikut Professor al Syaibani(1979:549-627) menyatakan bahawa dalam Islam methodologi mengajar pendidikan Islam cukup kaya, terutamanya pada zaman keemasan Islam dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan telah dibuktikan oleh ahli falsafah Islam yang terkenal seperti al Kindi, al Farabi, Ibnu Maskawaihi, al Mawardi, Ibnu Sina, al Ghazali, Ibnu Rusyd, Ibnu bajah dan Ibnu Khaldun. Methode pengajaran pendidikan Islam yang terkenal pada masa itu ialah methode lingkaran (halagah), mendengar, membaca, imla', hafalan, pemahaman, lawatran dan lain-lain lagi.

Rasulullah s.a.w telah menggunakan berbagai kaedah untuk menyampaikan dakwah Islamiah. Kaedah mengajar yang digunakan oleh baginda ialah kaedah kuliah, khutbah, dailog, perbincangan, soal jawab, hafalan, perdebatan, amalan, cerita dan lain-lain lagi. Kaedah yang digunakan oleh Rasulullah adalah kaedah yang sesuai dengan murid, tempat, masa, tujuan pelajaran, tahap perkembangan pelajaran murid, tahap perkembangan dari segi jasmani, akal dan emosi, sosial, tahap kesedaran dan kebudayaan dan juga pengalaman yang sudah-sudah (Al Syaibani;1991;557)

Guru-guru agama hari ini menyambung pengajaran dan pembelajaran yang lalu dan mengemaskan lagi dari berbagai sistem, cara dan teknik kepada satu sistem yang mudah diterima oleh murid-murid, cara dan teknik seperti inilah adalah diharapkan sedikit sebanyak akan dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran pendidikan agama menjadi lebih menarik dan berkesan.

Pada hari ini guru-guru agama menggunakan berbagai strategi pengajaran dan pembelajaran , tetapi kaedah yang digunakan itu mestilah berlandaskan kepada:

- * mempunyai ciri-ciri flexibility, iaitu mengajar satu fakta berdasarkan kemampuan murid. (Hassan Langgulung, 1991:342).
- * Kaedah yang dapat mengaitkan teori dan amali, hafalan dan kefahaman. (al Syaibani:1991:583-584).
- * Keperluan dan kecenderungan dan tujuan khusus pelajar di samping mengambil kira perbezaan peribadi mereka.
- * memberi perhatian tentang motivasi murid.

Seorang guru agama yang baik menggunakan strategi pengajarannya iaitu mereka yang memahami keempat-empat sasaran pendidikan agama iaitu cognitive (pemberian ilmu dan pengetahuan, effective (menanamkan dan menyebarkan kepercayaan dan sikap yang dikehendaki agama), behavioral (pembentukan akhlak dan budi pekerti) dan volitional (pembentukan kemahuan bertindak dan beramal sesuai dengan kehendak Islam). (Mohd Kamal Hassan, 1988:138-139).

Bagi mencapai matlamat tersebut, di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, amat perlu bagi seorang guru agama mendalami aspek-aspek kaedah mengajar, teknik mengajar dan bagaimana caranya untuk menyampaikan isi pengajaran kepada murid-murid, maka guru wajib memahami dan mengetahui mengapa ia menggunakan sesuatu kaedah pengajaran tersebut.

Perkara yang perlu kita bincangkan juga di dalam membahaskan strategi pengajaran agama ini ialah bagaimana strategi yang digunakan itu dapat menolong pelajar mengembangkan pengetahuan, maklumat, ketrampilan dan sikap, terutamanya berfikir secara ilmiah, faham dan fikir, serta sabar dan rajin dalam menuntut ilmu, strategi yang memudahkan pengajaran guru dan pembelajaran murid, serta mencipta suasana yang sesuai dengan pengajaran.

Di antara perkara-perkara pokok yang dapat membantu guru agama memilih strategi yang dapat mencapai ciri-ciri di atas ialah:

- * Penggunaan berbagai kaedah dan teknik pembelajaran yang membolehkan murid (yang terdiri daripada berbagai tahap pencapaian) dapat belajar bersama berdasarkan kepada kemampuan, minat, pelbagai kebolehan , bakat serta gaya pembelajaran mereka yang tersendiri.
- * Menggabungkan aktiviti yang dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah.
- * Mengaitkan pengalaman murid dengan pengajaran yang diajar.
- * Menggunakan pelbagai media ransangan pembelajaran yang terdiri daripada alam semulajadi, bahan maujud, media cetak dan media elektronik dan sebagainya.
- * Menilai proses pengajaran dan pembelajaran harian supaya tindakan susulan dapat dijalankan.

Di dalam pendidikan agama terdapat berbagai bidang ilmu, maka dengan itu terdapat juga berbagai pendekatan dan kaedah yang boleh digunakan ketika mengajar. Sebagai contohnya; untuk mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran membaca Al Quran dan penghayatannya adalah memerlukan "latih-tubi" bermusyafahah secara individu dan kumpulan. Aspek membaca, menghafaz, memahami dan menghayatinya memerlukan aktiviti-aktiviti melihat, mendengar, menyebut, memahami, mengamal dan menghayati. Aspek bacaan dapat dicapai melalui menyebut atau membaca sesudah melihat/kenal, menyebut atau membaca sesudah mendengar dan melihat. Manakala aspek hafazan pula dapat dicapai melalui menghafaz sesudah mendengar, menghafaz sesudah melihat dan menghafaz sesudah membaca.

Adalah amat penting bagi murid-murid ditanamkan minat untuk memahami, mengamal dan menghayati bacaan al Quran dalam kehidupan harian mereka sehingga menjadi sehati dan darah daging. Minat penghayatan akan dapat dicapai dengan strategi yang menarik. Minat pelajar-pelajar akan dapat dicapai melalui cara guru mengguna dan melaksanakan pendekatan mengikut perkembangan, kebolehan jasmani dan nafsani murid-murid serta persediaan yang lengkap meliputi kaedah, teknik dan bahan-bahan sokongan.

Kaedah-kaedah lain yang sesuai untuk digunakan sebagai kaedah pengajaran agama Islam masa kini ialah kaedah induktif, kaedah perbandingan, kaedah soal jawab, kaedah kuliah atau syarahan, kaedah dirayah dan pemahaman, kaedah tiktirar atau ulangan, kaedah lawatan (Al Rehlah), kaedah bermain, amali dan demonstrasi, kaedah eksperimen, bercerita dan lain-lain lagi.

Kaedah induktif dapat mengembangkan kognitif dan efektif murid secara menyeluruh kerana kaedah ini bertujuan untuk membimbing murid-murid mengetahui fakta-fakta dan hukum-hukum umum melalui jalan pengambilan induksi. Kaedah ini mulai dengan bahasan dari bahagian-bahagian yang kecil untuk sampai kepada undang-undang yang umum. Guru yang mengajar akan memberi contoh-contoh dan ditil-ditil yang kecil. Kemudian ia mencuba melalui jalan-jalan perbandingan dan menentukan sifat-sifat persamaan antaranya untuk mengambil kesimpulan dan membuat dasar umum yang berlaku kepada bahagian-bahagian dan contoh-contoh yang diberinya dan juga yang belum diberinya. Sebab padanya terdapat semua sifat-sifat bersamaan yang membentuk dasar umum itu. Kaedah Induktif ini telah memasukkan unsur-unsur kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) dalam pengajarannya dan hasilnya kita telah melatih murid untuk berfikir, untuk merenung, membuat refleksi dan seterusnya membuat kesimpulan.

Begitulah juga kaedah-kaedah lain semuanya sesuai untuk digunakan sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran agama. Tetapi terpulang kepada kebijaksanaan guru tersebut untuk kaedah dan teknik yang sesuai bagi bidang-bidang pengajaran dan pembelajaran agama yang disampaikan di bilik darjah, sesuai dengan objektifnya, sesuai dengan latar belakang muridnya, sesuai dengan tahap murid dan juga falsafah pelajaran itu sendiri.

Kaedah syarahan mungkin merupakan kaedah yang digemari oleh guru-guru agama dalam pengajarannya di bilik darjah terutamanya dalam mengajar Aqidah. Penggunaan kaedah syarahan untuk mengajar aqidah berkemungkinan disebabkan ilmu aqidah juga dikenali sebagai ilmu kalam iaitu ilmu yang memerlukan percakapan, penghuraian yang bertujuan untuk menerangkan fakta dan juga konsep ilmu ini (Osman Jantan, 1983:10).

Kaedah syarahan juga dikanali dengan kuliah atau khutbah. Nabi Muhammad s.a.w menggunakan cara khutbah dalam dakwahnya samada sewaktu mengajar di Mekah atau di Madinah. Paling termasyur ialah khutbahnya pada masa mengerjakan haji terakhir (Al Haj Wida'). Kaedah ini juga dijalankan oleh ramai sahabat dan juga alim ulama' daripada dahulu hingga sekarang ini.

Maksud syarahan ialah guru bercakap, guru menerang dan murid mendengar. Higet (1964) berpendapat kaedah ini lebih mengutamakan kelicinan pengaliran maklumat daripada guru kepada

murid. Kaedah ini tidak mewujudkan hubungan dua hala. Dan guru juga tidak mengambil kira perbezaan individu yang terdiri dari berbagai tahap pencapaian.

\ Kaedah syarahan ada kelebihan dan juga kekurangannya. Kaedah ini sesuai untuk menyampaikan ilmu di peringkat tinggi di mana pelajar-pelajar telah dapat mengamati, menganalisa, mencerakinkan syarahan yang disampaikan oleh guru. Tetapi kaedah syarahan kurang sesuai digunakan di peringkat sekolah rendah terutamanya dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang mengutamakan perkembangan murid secara menyeluruh. Lagi pun kaedah syarahan merupakan aktiviti pengajaran yang berpusatkan guru, sedangkan kaedah pengajaran yang baik dalam KBSR mestilah pelbagai pendekatan yang digunakan seperti ada pemusatan guru, murid dan bahan.

Untuk melaksanakan kaedah syarahan secara berkesan di bilik darjah, beberapa perkara perlu diambil kira ketika menyampaikan pelajaran di bilik darjah. Antaranya ialah;

- * mulakan penyampaian dengan mengemukakan perkara-perkara yang menarik perhatian murid-murid atau yang berkaitan dengan bermakna kepada mereka.

- * Apabila menerangkan sesuatu konsep, jelaskan dengan contoh-contohnya sekali. Mulakan contoh-contoh yang maujud (konkrit) daripada fakta yang mudah hingga kepada yang rumit.
- * Sekali sekala, murid-murid dilibatkan melalui soal jawab pendek supaya pelajaran tidak menjadi sehalu.
- * Jikalau perlu, syarahan itu bolehlah dibantu dengan gambarajah, ilustrasi atau alat bantu yang lain bagi menambah kefahaman.
- * Suara ketika mengajar perlu ada intonasi, mengulang fakta-fakta yang penting dan gunakan bahasa yang sesuai dengan tahap murid.
- * Di akhir pengajaran, perlu dibuat rumusan mengenai perkara-perkara pokok atau isi-isi utama.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati kaedah syarahan merupakan kaedah yang kerap digunakan untuk mengajar pendidikan agama Islam khususnya 'ulum As Syar'iyah (Tauhid, Ibadah dan Sirah Nabawiyah). Keberkesanannya bergantung kepada teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru dan menggabungkan lain-lain kaedah. Malahan pengkaji berpendapat semua pendekatan, kaedah dan teknik yang terdapat dalam ilmu pedagogi masa kini sesuai digunakan untuk mengajar agama asalkan tidak berlawanan dengan prinsip-prinsip Islam.

Pendekatan Gabungjalin Dalam Pengajaran Aqidah (tahap dua)
Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

Pendidikan Aqidah amat penting bagi setiap murid Islam kerana ia memberi penekanan kepada pendidikan diri dan pembinaan sahsiah. Dengan kata lain pembangunan rohani dan jasmani disepadukan dalam pendidikan aqidah. Penekanan ini amat penting kerana ia berpegang kepada agama, mengamal serta menghayati sehari-hari. Pendekatan yang berteraskan kepada penghayatan dan amalan diharapkan dapat digunakan dengan sepenuhnya di sekolah.

Pendekatan ini juga bertujuan untuk menimbulkan kesedaran dan keinsafan di kalangan pelajar tentang kepentingan pendidikan Aqidah. Hal ini akan melahirkan rasa berkewajipan untuk menghayati dan mengamalkan ajaran-ajaran agama dalam kehidupan sehari-hari. Dan di dalam pengajaran Aqidah lebih terdedah kepada pembicaraan konsep, justeru itu guru mesti memastikan setiap konsep yang diperjelaskan itu dapat disampaikan dengan jelas dan diterima sepenuhnya oleh murid-murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dilihat sebagai tertib operasi mengajar dan belajar yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat pendidikan. Proses pengajaran boleh dikatakan untuk membekalkan ilmu pengetahuan, membina kemahiran dan juga membentuk sahsiah, teknik yang digunakan untuk pelaksanaannya ialah:

1. Penyerapan untuk bekal ilmu;

Penyerapan ialah satu strategi untuk menyatakan unsur-unsur atau nilai-nilai daripada matapelajaran lain dengan kemahiran-kemahiran yang terdapat di dalam sesuatu matapelajaran yang berseesuaian. Dengan kata lain unsur-unsur pengetahuan atau nilai-nilai berkenaan dijadikan sebagai inti atau isi kepada kemahiran-kemahiran yang hendak disampaikan.

Dengan lain perkataan, penyerapan ialah proses menyebati dan menyatupadukan pengetahuan atau unsur isi pengetahuan daripada satu matapelajaran lain sebagai isi pelajaran bagi sesuatu matapelajaran yang diajar. (Asas KBSR 1, 1992:39).

2. Gabungjalinkan dan pengajaran berkumpulan untuk pembinaan kemahiran.

Dalam konteks KBSR, penggabungjalinkan ialah proses pembelajaran beberapa kemahiran dalam satu pelajaran atau beberapa pelajaran yang saling berkaitan. Kemahiran itu boleh digabungjalinkan melalui dua cara:

- i. Menggabungjalinkan beberapa kemahiran dalam satu mata pelajaran.
- ii. Menggabungjalinkan kemahiran beberapa matapelajaran dalam satu pelajaran. (Asas KBSR 1, 1992:4).

3. Penyertaan murid dalam pelbagai aktiviti untuk pembentukan dan pembangunan sahsiah.

Aktiviti-aktiviti yang menarik di dalam pengajaran dan pembelajaran boleh menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran sebagai satu pengalaman yang menarik yang akan kekal dalam ingatan murid. Oleh itu guru perlu mempelbagaikan aktiviti pengajaran yang menarik untuk memudahkan pembelajaran murid, mengekalkan minat serta menghilangkan rasa bosan murid ketika belajar.

Gabungjalin adalah salah satu cara pengajaran dan pembelajaran baru KBSR. Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Agama Islam KBSR, pendekatan gabungjalin perlu dilaksanakan kerana ia sesuai dengan Falsafah Pendidikan Islam itu sendiri. Ia juga perlu dilaksanakan dalam pengajaran Aqidah (tahap dua).

Pertamanya pendekatan gabungjalin dapat menjalinkan perhubungan di antara ilmu agama ('ulum Naqliyah) dengan ilmu-ilmu akal ('ulum 'aqliyyah) agar kerenggangan, dan mungkin juga percanggahan yang wujud untuk sekian lama, dapat dihapuskan. Dengan kata lain kita perlu mempertemukan wahyu dan akal (reason) dalam satu acuan yang harmonis. Justeru akal umat Islam dapat dipulihkan dan digerakkan semula agar menjadi kreatif, inovatif dan imaginatif. Pada masa yang sama akal tersebut sentiasa dituntun oleh wahyu dan dipandu oleh matlamat serta nilai-nilai Islam yang luhur.

Penggabungjalinan dalam pengajaran Aqidah (tahap dua) didapati perlu supaya murid-murid dapat memiliki perspektif yang betul dan tepat tentang realiti. Ia merujuk kepada persekitaran semasa, yang fizikal dan bukan fizikal, politik, sosial, ekonomi, pendidikan dan segala-galanya. Ia juga merujuk kepada pemahaman tentang sejarah, proses dan sebab musabab yang mencetuskan keperihalan-perihalan tersebut. Ia merujuk kepada kelemahan dan kekuatan diri dan juga umat. Maksudnya kita perlu memahami dengan sepenuhnya kedudukan diri dan umat dalam hubungan dengan realiti semasa.

Penggabungjalinan dalam pengajaran dan pembelajaran Aqidah (tahap dua) diharapkan dapat memahami konsep ilmu yang tepat dan berusaha untuk memahami ilmu-ilmu lain di samping ilmu Aqidah itu sendiri. Guru agama perlu menjelaskan hubung kait di antara ilmu Aqidah dengan ilmu-ilmu lain agar murid dapat melihat perhubungan dan "kesepaduan ilmu" yang sesuai dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah".

Penggabungjalinan boleh membantu kepada penekanan dan penyatuan serta "kesepaduan" di antara teori dan amali. Aspek kerohanian yang menekankan nilai-nilai luhur dan positif diadunkan dengan aspek teknikal yang mampu kepada aplikasi dan amalan. Dengan ini murid-murid dapat memahami Islam sebagai ad din dan nizam yang mesti diamalkan dan dihayati. Pendekatan dalam

pengajaran dan pembelajaran bukan hanya tertumpu kepada pengetahuan, malahan yang lebih penting ialah amalan dan penghayatan.

Dari sudut pandangan penggubal KBSR, pendekatan gabungjalin dapat memperkukuhkan antara satu kemahiran dengan kemahiran yang lain. Contohnya kemahiran menulis jawi, kemahiran ini dapat memperkukuhkan membaca jawi (al Quran) dan begitu jugalah sebaliknya, malahan melalui pendekatan gabungjalin juga beberapa kemahiran yang telah diajar diulang kembali. Langkah ini boleh memperkukuhkan lagi pelajaran-pelajaran yang telah diajar.

Jadual 2.3
Contoh Jenis Penggabungjalinan Pendidikan Agama.

JENIS	K E M A H I R A N											
	Asuhan Membaca Al Quran						Rampaian Pen.Agama Islam					
	1.1	1.2	1.3	1.4	1.5	1.6	2.1	2.2	2.3	2.4	2.5	2.6
P.J 1 *	✓					✓						
P.J 2 *							✓					✓
P.J 3 *						✓						✓
KEMAHIRAN UTAMA	MENYEBUT MEMBACA, MENGHAFAZ MEMAHAMI, MENGHAYATI.						IBADAH, AQIDAH, SIRAH AKHLAK.					

- * PJ 1 : Penggabungjalinan 1
- * PJ 2 : Penggabungjalinan 2
- * PJ 3 : Penggabungjalinan 3.


(Sumber: PPK, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Sebaliknya dalam masalah ini (Gabungjalain dapat memperkuat antara satu kemahiran dengan kemahiran yang lain) Ibnu Khaldun (Abdullah Al Amin Al Na'miy, 1994:167-168) turut menyeru ke arah berkomitmen dengan bidang-bidang pengkhususan tidak boleh mencampuradukkan antara pengajian, khususnya pengajian pelajaran-pelajaran lain dimana ia akan menyusahkannya untuk mencapai kecemerlangan satu-satu daripadanya. Kemungkinan maksud Ibnu Khaldun ialah jangan mempelajari ilmu-ilmu lain sehingga ia benar mahir satu-satu ilmu dan bolehlah ia mempelajari yang lainnya.

Selain itu pengajaran secara gabungjalain juga dapat melibatkan murid secara aktif serta dapat meningkatkan keyakinan diri murid-murid. Di dalam satu kelas terdapat berbagai peringkat kebolehan murid. Oleh itu tahap penguasaan kemahiran murid juga berbeza. Penggabungjalinan kemahiran dapat melibatkan murid yang berbeza kebolehan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara aktif melalui aktiviti yang mampu dilakukannya. Dengan secara tidak langsung tidak terdapat "pengunduran diri" di kalangan murid, malahan sifat keyakinan kepada diri dapat dibentuk melalui pendekatan ini dalam pengajaran dan pembelajaran.

Rajah 2.2

Contoh Gabungjalin Asuhan Membaca
Al Quran Dalam Pendidikan Agama Islam.



Gabungjalin bukanlah satu perkara yang baru dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Pendekatan ini telah lama diamalkan iaitu sejak zaman Rasulullah s.a.w (Abd.Raof Dalip,1990:37). Tetapi pendekatan ini mungkin dilaksanakan secara tidak disedari di dalam pengajaran ilmu-ilmu Islam kerana ilmu Islam itu sendiri adalah berbentuk sepadu.

Penggabungjalinan secara terancang melibatkan persediaan , alat, bahan dan aktiviti-aktiviti tertentu semasa penyampaiannya, dan contohnya guru membina peta konsep yang menunjukkan hubungan atau pertalian antara idea -idea utama dengan idea-idea lain. Mengikut Abdul Raof Dalip (1993:152-153) didalam menyediakan peta konsep terdapat beberapa perkara yang perlu dititik beratkan :

- i. Menentukan idea utama dengan menyusun idea-idea itu dalam turutan atau corak yang sesuai.
- ii. Mengenal pasti hubungan antara idea-idea itu.

Pendekatan gabungjalin amat sesuai digunakan dan dilaksanakan di dalam pengajaran dan pembelajaran Aqidah (tahap dua) KBSR. Hal ini disebabkan oleh kandungan matapelajaran ini mempunyai tiga dimensi iaitu kepercayaan, pengetahuan dan tingkah laku. Ketiga-tiga dimensi ini menjurus kepada kepelbagaian kandungan unsur-unsur yang berkaitan memberi jaminan bermakna kepada pelajar untuk mempelajari matapelajaran Aqidah (tahap dua) yang lengkap.

Ketiga-tiga dimensi juga terdapat di dalam lain-lain matapelajaran pendidikan Agama Islam seperti Asuhan Tilawah Al Quran, Asas Tulum As Syariyyah, Sirah Nabawiyah dan akhlak. Signifikannya, ketiga-tiga dimensi ini mempunyai kesepaduan yang erat untuk melahirkan individu yang sempurna Aqidahnya.

Ramai guru agama melupai hakikat ini pada masa mengajar Aqidah. Oleh itu mereka kerap mengikat diri dengan sukatan pelajaran yang menetapkan kemahiran-kemahiran yang hendak dicapai bagi satu-satu pengajaran sahaja. Sebagai contohnya pengajaran Rukun Iman. Objektif pengajaran selalunya menekan yang berbentuk eksplisit iaitu dapat menghafaz rukun-rukun iman. Pendekatan yang digunakan ialah latih-tubi membaca sehingga murid dapat menghafaznya. Pendekatan ini tidak akan menghasilkan amalan-amalan dan penghayatan yang terdapat dan dituntut di dalam Rukun Iman itu. Penggabungjalinan kemahiran amatlah diperlukan untuk menghasilkan ilmu, penghayatan dan amalan sebagai matlamat yang hendak dicapai melalui satu-satu proses pembelajaran.